



**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
*The National University of Malaysia*

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 11/2023**

**POLISI MODAL AWALAN (*SEED MONEY*) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai Polisi Modal Awalan (*Seed Money*) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan panduan permohonan serta proses bayaran balik modal awalan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti.

**2.0 DEFINISI (MODAL AWALAN)**

- 2.1. Modal Awalan (*Seed Money*) bermaksud pendahuluan sebagai modal perniagaan dan/ atau pendahuluan pembayaran aktiviti penjanaan yang diluluskan kepada PTj.
- 2.2. Jabatan Bendahari akan menyediakan modal awalan bagi projek/ aktiviti PTj yang telah melepasi proses penilaian komprehensif melibatkan kemampuan kewangan, daya saing projek, kemampuan untuk pengembangan serta kebolehan untuk membuat bayaran balik modal awalan tersebut.
- 2.3. Aktiviti penjanaan perlulah bersifat jangka panjang, melebihi tempoh 12 bulan.

**3.0 KUASA MELULUS**

- 3.1 Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) merupakan kuasa melulus yang akan membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan dan penamatan projek/ aktiviti modal awalan.
- 3.2 Pemantauan tahap kemajuan dan pencapaian sesebuah projek/ aktiviti modal awalan akan dilaporkan di dalam JKPA secara berkala.

**4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 4.1 Permohonan modal awalan hanya dibenarkan kepada PTj sahaja. Permohonan secara individu adalah tidak dibenarkan.

- 4.2 Setiap permohonan modal awalan perlu mendapatkan perakuan Ketua PTj, dan Ketua PTj perlu bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat permohonan modal awalan dipatuhi.
- 4.3 Modal Awalan yang telah diluluskan hendaklah digunakan **khusus** untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan projek /aktiviti seperti yang dinyatakan dalam Kertas Kerja Modal Awalan.
- 4.4 Modal Awalan hanya akan dipertimbangkan bagi projek/ aktiviti yang berpotensi memberi nilai pulangan yang tinggi kepada Universiti dan mempunyai tahap keupayaan untuk membayar semula jumlah pembiayaan berdasarkan keputusan MPU.
- 4.5 PTj perlu membuat penentuan bentuk dan nilai pembiayaan dengan jelas mengikut keperluan projek/ aktiviti serta berasaskan kepada prestasi kewangan Universiti.

## 5.0 PANDUAN PERMOHONAN MODAL AWALAN (*SEED MONEY*)

- 5.1 Pemohon perlu menyediakan Kertas Kerja Permohonan Modal Awalan (*Seed Money*) yang merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:

BIL	PERKARA	HURAIAN
1	Tujuan	Tujuan permohonan modal awalan perlu dinyatakan dengan jelas dengan menerangkan perkara berkaitan bagi mendapatkan kelulusan MPU.
2	Latar Belakang	a) Pernyataan Masalah b) Idea Penjanaan c) Penjelasan tentang produk/ perkhidmatan ( <i>Business Concept</i> ) d) Perbandingan Kompetitif & Analisis <i>SWOT</i> ( <i>Strengths, Weaknesses, Opportunities &amp; Threats</i> )
3	Tempoh Masa Pelaksanaan ( <i>Time Frame</i> )	a) Perancangan Projek b) Tempoh masa jangkaan penjanaan c) Tempoh Bayaran Balik
4	Ulasan Pentadbiran	a) Cadangan Penyelesaian Masalah b) Strategi Pemasaran dan Promosi c) Data Perbandingan dan Kajian Pasaran

		d) Implikasi Kewangan e) Manfaat kepada PTj dan Universiti f) <b>Belanjawan Modal **</b> g) Model Perniagaan h) Pelan Mitigasi dan Kontigensi Projek (Pengurusan Risiko)
5	Penutup	Permohonan kelulusan kepada MPU

\*\* Bagi penyediaan Belanjawan Modal, pemohon boleh merujuk **Lampiran B: Tatacara Penyediaan Templat Belanjawan Modal (*Capital Budgeting*)**.

- 5.2 Kertas Kerja Permohonan Modal Awalan (*Seed Money*) dan Belanjawan Modal yang lengkap perlulah mendapat perakuan daripada Ketua PTj sebelum dikemukakan kepada Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari.
- 5.3 Dokumen permohonan Modal Awalan akan melalui proses penilaian komprehensif yang akan dikendalikan bersama Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) bagi tujuan semakan dan penilaian terhadap risiko projek/aktiviti.
- 5.4 Permohonan Modal Awalan yang berjaya melalui proses penilaian akan dibawa ke MPU untuk kelulusan.
- 5.5 Setelah mendapat kelulusan MPU, Surat Perjanjian Modal Awalan di antara pihak UKM dan pemohon (PTj) serta Jadual Pembayaran Balik Modal Awalan akan disediakan untuk ditandatangani. Rujuk Lampiran C: Surat Perjanjian Modal Awalan.
- 5.6 Rujuk Lampiran A Carta Alir Proses Modal Awalan.

## 6.0 PERJANJIAN MODAL AWALAN

- 6.1. Perjanjian Modal Awalan hendaklah dipersetujui oleh Penerima Modal Awalan (PTj) dan Pemberi Modal (UKM).
- 6.2. Maklumat Perjanjian Modal Awalan adalah seperti di Lampiran C Surat Perjanjian Modal Awalan.
- 6.3. Ketua PTj bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Surat Perjanjian Modal Awalan adalah dipatuhi.

## **7.0 BAYARAN BALIK MODAL AWALAN**

- 7.1. PTj hendaklah membayar balik modal awalan mengikut Jadual Bayaran Balik Modal Awalan UKM yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam Surat Perjanjian Modal Awalan.
- 7.2. Ketua PTj bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkara 7.1 dipatuhi.
- 7.3. Sekiranya PTj gagal membuat bayaran balik modal awalan mengikut jadual yang dipersetujui, pelarasan akan dibuat menggunakan Tabung Amanah PTj.
- 7.4. Tindakan pelarasan baki modal awalan akan dibuat sekiranya PTj mengemukakan surat pembatalan terhadap Modal Awalan yang telah diluluskan.

## **8.0 HAK UNTUK PEMBATALAN**

- 8.1. Penerima Modal Awalan (PTj) berhak untuk membatalkan permohonan modal awalan sekiranya mempunyai sebarang kekangan yang difikirkan wajar.
- 8.2. Penerima Modal Awalan (PTj) perlu mengemukakan notis pembatalan secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- 8.3. Penerima Modal Awalan (PTj) perlu memastikan tiada sebarang gerak kerja projek dimulakan sebelum pembatalan dibuat.
- 8.4. Hak untuk membatalkan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Bendahari.
- 8.5. Pelarasan semula peruntukan akan dibuat kepada tabung yang diluluskan.
- 8.6. Tabung amanah yang telah diwujudkan akan dibatalkan dan sebarang kegunaan di masa akan datang perlu mendapat kelulusan semula daripada Jabatan Bendahari.

## **9.0 PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan, sekaligus membatalkan Pekeliling Bendahari Bil. 9/2022.